



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 20/2018 dari 13 hingga 19 Mei 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-20 iaitu bermula dari 13 hingga 19 Mei 2018 menunjukkan tren peningkatan. Sejumlah 1290 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-20, peningkatan 418 kes (47.9%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 872 kes. Peningkatan ini mungkin dipengaruhi oleh cuti umum yang panjang pada minggu ke-19. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 19 Mei 2018 sebanyak 22,547 kes berbanding 37,022 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 14,475 kes (39.1%). Terdapat peningkatan kes di empat belas (14) negeri kecuali negeri Perlis.

Terdapat tiga (3) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-20, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 42 kematian, berbanding 91 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 49 kematian (53.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 36 lokaliti (10.7%), iaitu 371 lokaliti pada minggu ke-20 berbanding 335 lokaliti pada minggu sebelumnya. Manakala sebanyak 51 lokaliti hotspot melibatkan empat (4) buah negeri iaitu Selangor (44), WPKL-Putrajaya (3), Pulau pinang (2) dan Sabah (2) telah dilaporkan.

Tiada kes Chikungunya yang dilaporkan pada minggu ke-20. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 19 Mei 2018 kekal sebanyak 69 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 27 kes di Daerah Tumpat, 5 kes di Daerah Kota Bharu, 2 kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang dan Penampang.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 1124 sampel darah dan lapan (8) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pada bulan Ramadhan, tanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran harus dipertingkatkan. Kebersihan persekitaran di tempat-tempat ibadat seperti surau dan masjid serta kawasan bazar Ramadhan perlu diperlihara. Jawatan kuasa surau atau masjid, pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat perlu memastikan kawasan persekitaran adalah bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk. Lakukan aktiviti-aktiviti seperti pemeriksaan dan pembersihan tempat pembiakan Aedes seperti tayar, bekas tong, plastik, tin atau kaca dan meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas tadahan air yang sukar dikosongkan. Ini bagi mengelakkan berlakunya jangkitan Denggi agar masyarakat dapat menunaikan ibadah di bulan puasa.

Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

 Mei 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 20/2018
(13 hingga 19 Mei 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 20/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 20/2017	
		Minggu 20 (13 Mei – 19 Mei 2018)		Minggu 19 (6 Mei – 12 Mei 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	1	0	85	0	76	0
2	Kedah	55	0	22	0	578	2	629	3
3	P. Pinang	78	1	77	0	1457	2	913	5
4	Perak	43	0	38	0	1197	2	3295	7
5	Selangor	762	0	528	1	12541	11	19664	33
6	WP KL & Putrajaya	143	1	61	0	1684	3	3601	15
7	N. Sembilan	24	0	12	0	446	0	1715	8
8	Melaka	14	0	4	0	185	0	674	1
9	Johor	74	1	70	0	2056	6	2701	10
10	Pahang	15	0	7	1	334	2	805	1
11	Terengganu	3	0	2	0	68	0	134	0
12	Kelantan	10	0	7	0	328	1	1477	2
13	Sarawak	18	0	4	0	195	1	554	3
14	Sabah	49	0	39	0	1372	12	777	3
15	WP Labuan	2	0	0	0	21	0	7	0
	MALAYSIA	1290	3	872	2	22547	42	37022	91

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 20/2018
(13 hingga 19 Mei 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	41	107
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	44	103
3	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	12	84
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	18	73
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	37	72
6	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	18	65
7	SABAH	Kunak	Kg Jaya Baru	29	62
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	11	62
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	30	60
10	SABAH	Kunak	Kg Bagiang	7	58
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	25	57
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Kinrara 1 (Teres)	12	56
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 1 & 2)	12	55
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Ruby : Blok E, F, G & H)	13	54
15	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	15	53
16	SELANGOR	Klang	B.B.K Appartment Palm Ville	29	52
17	SELANGOR	Klang	Telok Gadong (Jln Telok Gadong 1)	13	52
18	SELANGOR	Klang	Taman Sri Sementa(Jln Sri Sementa 3)	19	52
19	SELANGOR	Gombak	Appt Casmaria	17	52
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	10	50

21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	35	48
22	SELANGOR	Gombak	Appt Lily Rawang Perdana	12	48
23	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	15	46
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres D : Jln 7/23 - 7/27)	21	44
25	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	8	44
26	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	19	42
27	SELANGOR	Gombak	Rawang Integrated Industrial Park	19	41
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)	8	41
29	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (Ken Damansara Kondo 2)	15	41
30	SELANGOR	Gombak	Appt Orkid Rawang Perdana	14	39
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2 (Uitm : Kolej Meranti)	27	39
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10)	7	39
33	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	20	39
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters Ipk Selangor&Kuarters Jkr)	9	38
35	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (1)	9	38
36	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 5/1,5/3,5/5,5/7,5/9,5/11,5/13,5/15,5/16,5/17,5/18 & 5/19 Bandar Bukit M	6	38
37	WPKL	Cheras	Apartment Cemara	11	37
38	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Jaya Utama Zon 2	7	37
39	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	16	37
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	15	36
41	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	20	36
42	WPKL	Cheras	Appt Sri Rakyat	4	35
43	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Pelangi Court Apartment	19	34
44	P PINANG	Timur Laut	Century Apartment	8	34

45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	18	34
46	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d)	6	33
47	SELANGOR	Petaling	Tmn Damai Utama 7 (Pangsapuri Damai Utama)	4	33
48	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	11	33
49	P PINANG	Timur Laut	Desa Bistari	11	33
50	SELANGOR	Klang	B.B.T Jalan Batu Nilam 15	11	32
51	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Sri Kundang (C)	9	31